

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN SKAF BATIK JENAMA PIERRE
CARDIN, DI INFOKRAF, JALAN SULTAN HISHAMUDDIN
KUALA LUMPUR, PADA HARI RABU
14HB. MAC, 1990
PUKUL 4.00 PETANG

Yang Berbahagia Tan Sri Hajah Aishah Ghani,
Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan
Malaysia;

Yang Berbahagia Encik Sulaiman Othman,
Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan
Kraftangan Malaysia;

Dif-Dif Kehormat,

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama di majlis pelancaran skaf batik pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Batik Malaysia Berhad dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di atas usahanya mengeluarkan skaf batik ini.

2. Usaha ini merupakan satu langkah ke arah menjadikan industri kraftangan sebagai satu industri yang maju dan berkembang di negara kita. Perkembangan dalam industri kraf kini amatlah membanggakan. Saya berbangga di atas inisiatif yang diusahakan dan saya berharap dengan adanya pengenalan skaf batik daripada jenama ini akan dapat menambahkan lagi sumber pendapatan kepada mereka yang terlibat dalam

...pengeeluarannya./-

pengeluarannya. Kegiatan membuat batik telah lama wujud di negara kita dan ianya telah menjadi salah satu sumber pendapatan kepada pengusaha-pengusahanya.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Pada mulanya, usaha membuat batik hanya dijalankan secara kecil-kecilan atau secara sambilan, terutamanya oleh kaum wanita dalam menambah sumber pendapatan suami-suami mereka yang keluar bertani ataupun menangkap ikan di laut. Tetapi sekarang usaha membuat batik telah dijalankan secara besar-besaran dan secara komersial hasil daripada sambutan yang menggalakkan, sama ada daripada penduduk tempatan mahupun kepada para pelancong. Saya percaya pembuatan batik akan mendapat tempat

...yang/-

yang sewajarnya dalam arus pembangunan negara. Kerajaan melalui agensi-agensinya telah memberi inisiatif dan galakan kepada para pengusaha batik untuk mengeluarkan batik secara komersial.

4. Dahulu batik hanya digunakan untuk membuat pakaian, baik berupa kain sarung ataupun baju batik. Tetapi sekarang ianya telah digunakan secara meluas bukan sahaja untuk pakaian, tetapi juga telah digunakan sebagai bahan-bahan perhiasan seperti alas meja, alas kusyen, hiasan dinding dan sebagainya. Kegunaan batik yang semakin meluas telah mendorong pengusaha-pengusaha batik melipat-gandakan usaha mereka mencari kegunaan-kegunaan lain di samping mencipta

...corak-corak/-

corak-corak yang sentiasa memenuhi citarasa orang ramai.

5. Pengenalan skaf batik daripada jenama Pierre Cardin merupakan satu lagi langkah baik ke arah memperkenalkan batik tempatan kepada pasaran luar negeri. Adalah diharapkan skaf batik ini akan mendapat perhatian dan dapat menembusi pasaran antarabangsa. Peluang menggunakan jenama jenis ini hendaklah digunakan sepenuhnya untuk memperkenalkan batik negara kita kepada orang-orang luar dalam usaha memperkenalkan pula kain-kain ataupun baju-baju batik.

6. Kita perlu mengadakan industri yang berunsurkan kepada pembuatan dengan lebih giat bagi tujuan memperkembang dan memajukan

...lagi/-

lagi bidang pembatikan. Saya percaya dengan adanya usaha ini, industri pembuatan batik akan dapat memainkan peranannya yang penting seperti juga industri-industri lain di negara kita.

7. Adalah diharapkan supaya pengusaha-pengusaha batik akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menjamin ketinggian mutu batik. Dengan mutu yang tinggi dan pengeluaran yang tersusun, batik Malaysia akan lebih dikenali di luar negeri. Tidak hairanlah sekiranya suatu hari nanti Malaysia dikenali dan menjadi tumpuan sebagai pusat barang-barang batik dan kraf.

...Sekali/-

- 6 -

Puan-puan dan Tuan-tuan,

8. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Batik Malaysia Berhad dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang telah menjemput saya ke majlis ini dan saya dengan sukacitanya melancarkan skaf batik daripada jenama Pierre Cardin dengan rasminya.

Terima kasih.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATTA SAI
KEPIMPINAN
PERDANA